

Lelaki simpan motosikal curi dipenjara selama enam bulan

MIRI: Seorang lelaki djatuhi hukuman penjara enam bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas disabitkan bersalah atas pertuduhan menyimpan sebuah motosikal curi.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Ashok Linggam selepas tertuduh, Mohamad Ainul Yaqien Abdullah, 31, dari Kampung Lereng Bukit di sini mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan terhadapnya mengikut Seksyen 411 Kanun Keseksaan.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara tidak kurang

daripada enam bulan dan tidak melebihi lima tahun serta denda, jika sabit kesalahan.

Menurut fakta kes, tertuduh didapati dengan curang menyimpan harta curi iaitu sebuah motosikal jenis Yamaha Y15ZR bernombor pendaftaran QM96xxx kepunyaan Eric Carter Lat, 26.

Kesalahan dilakukan tertuduh pada jam 3 pagi, 12 Mei lalu di hadapan sebuah rumah di Kampung Lereng Bukit di sini.

Pendakwa kes dikendalikan pegawai pendakwa ASP Mary Ong manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.